

SEMBAH UCAPAN ALU-ALUAN

**YANG BERTHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN
*MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI***

**Selaku Pengerusi
Jawatankuasa Tertinggi
Anugerah Kampung Cemerlang
Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3
Di Majlis Anugerah Kampung Cemerlang
Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3
Bagi Tahun 2014**

**Pada Hari Rabu, 27 Rabiulakhir 1435
Bersamaan 27 Februari 2014**

Jam 9.30 pagi

**Bertempat di Dewan Plenary,
Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengadap Kehadapan Majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu Ampun,

Dengan penuh hormat dan takzim hamba Kebawah Duli Tuan Patik
menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih diatas keberangkatan
Kebawah Duli Tuan Patik ke Majlis Anugerah Kampung Cemerlang Kali
Ke-3 pagi ini.

Sesungguhnya, abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik yang terdiri dari
semua peringkat ahli-ahli Jawatankuasa Majlis ini dan peserta-
pesertanya bersyukur ke hadzrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana
Majlis ini diserikan dengan keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik

yang setentunya akan menjadi ristaan baik, bahawa Skim Anugerah Kampung Cemerlang ini terus menerus mendapat perhatian dan dorongan daripada Kebawah Duli Tuan Patik.

Alhamdulillah, disambahkan bahawa untuk kali ketiga skim ini dianjurkan, sebanyak seratus empat (104) Majlis Perundingan Kampung (MPK) di seluruh daerah telah menyertainya dan Dua Puluh Tiga (23) daripadanya telah berjaya dinilai layak ke Peringkat Kebangsaan. Dan pada hari ini mereka akan mengetahui tahap pencapaian masing-masing menurut anugerah yang akan mereka terima.

Jumlah penyertaan itu telah menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding pertandingan kali pertama pada tahun 2010 sebanyak tiga puluh satu (31) Majlis Perundingan Kampung dan kali kedua pada tahun 2012 sebanyak lima puluh lapan (58) Majlis Perundingan Kampung. Walau bagaimanapun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyedari bahawa penyertaan sebanyak 104 buah Majlis Perundingan Kampung itu baru merupakan 60.8% dari jumlah bilangan Majlis-Majlis Perundingan Kampung seluruh negeri sebanyak seratus tujuh puluh satu (171) Majlis. Maka masih banyak lagi Majlis-Majlis Perundingan Kampung yang belum menyertai skim ini. Kerana itu, Kementerian akan

berusaha lebih gigih lagi supaya lebih banyak penyertaan pada masa-masa akan datang.

Sesungguhnya skim ini telah memberikan kesan yang positif kepada penduduk-penduduk kampung bagi kemajuan sosio-ekonomi kampung mereka, yang juga sebagai tanda kepimpinan yang berkesan dan berwibawa di peringkat akar umbi.

Seterusnya disebarkan bahawa skim yang berpaksikan kerjasama berkumpulan, integrasi masyarakat ini, tidak terhad setakat menghasilkan produk-produk barangan dan perkhidmatan malah meliputi bidang pengurusan, kegiatan keugamaan, kebajikan, pendidikan, kesenian dan kebudayaan, sukan dan kegiatan-kegiatan sosial kemasyarakatan lainnya. Oleh yang demikian, semogalah acara pagi ini akan menyuntik semangat penyertaan yang lebih ramai lagi dimasa-masa akan datang.

Demikianlah disembahkan.

Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekali lagi menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan

Majlis Kebawah Duli Tuan Patik diatas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Majlis ini.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga menjunjung perkenan Kebawah Duli Tuan Patik untuk hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan sembah junjung kasih diatas keberangkatan:

- Paduka Anaknda Kebawah Duli Tuan Patik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

- Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik:
 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

- Paduka-Paduka Anaknda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

dan

- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik seterusnya menyembahkan junjung kasih / mengucapkan terima kasih atas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Yang Berhormat dan Yang Dimuliakan Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat, Tuan-Tuan Yang Terutama Duta-Duta Perwakilan Diplomatik dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi, Timbalan-Timbalan Menteri, dan jemputan-jemputan khas, hadirin-hadirat dan seterusnya para peserta dan sekalian mereka yang turut menjayakan acara Majlis ini.

Semoga kita akan sentiasa berada dalam lindungan Allah dengan mendapat rahmat serta berkat amal soleh dengan dikekalkanNya dalam ne'mat iman dan islam.

Sekian. Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

- **Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman.**
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Bandar Seri Begawan,
Selasa, 25 Rabiulakhir 1435/25 Februari 2014.